

7 JAN 1996

UMNO - Globalisasi

PULAU PINANG, 7 Jan (Bernama) -- Naib Presiden UMNO Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib hari ini meminta anggota UMNO supaya tidak membiarkan diri mereka terseret dengan isu-isu kecil.

Beliau berkata ini kerana ada isu yang lebih global yang perlu difikirkan bagi membawa perubahan supaya Malaysia tidak ketinggalan zaman.

Anggota parti perlu berusaha supaya orang Melayu dapat bangkit sebagai sebuah kuasa besar bukan militan dengan menguasai pelbagai ilmu, katanya pada Seminar Kepimpinan UMNO Dalam Era Globalisasi anjuran Yayasan Bina Ilmu di Batu Feringhi di sini malam tadi.

Sebenarnya tiada halangan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah kuasa besar memandangkan orang Melayu pernah muncul sebagai sebuah kuasa seumpama itu pada zaman Kesultanan Melaka yang mendapat pengiktirafan kuasa besar pada masa itu China di bawah pemerintahan Dinasti Ming.

Beliau berkata Kerajaan Negeri Selangor akan melancarkan Sekretariat Melayu Antarabangsa tidak lama lagi bagi mengumpulkan maklumat mengenai orang Melayu yang berjaya di luar negara.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata usaha ini dapat membantu meningkatkan pembangunan Malaysia dengan kerjasama dan kebolehan yang ada pada semua kaum di negara ini.

Katanya cadangan penubuhan itu telah dibuat oleh beliau semasa satu majlis anjuran Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) di Shah Alam pada 1993 untuk mewujudkan satu rangkaian hubungan di peringkat antarabangsa.

Kerajaan Negeri yang menjadi urusetia sekretariat itu sekarang ini sedang mendaftar syarikat orang Melayu yang ada di seluruh dunia dengan kerjasama badan-badan di bawah GAPENA, tambahnya.

Muhammad berkata dengan cara ini ia dapat membantu meningkatkan keupayaan negara memandangkan ramai orang Melayu yang telah berjaya dalam pelbagai lapangan di peringkat antarabangsa.

Kerajaan Negeri meminta kerjasama GAPENA kerana badan itu telah lebih awal mengadakan hubungan secara budaya dengan orang Melayu di seluruh dunia dan dengan ini usaha itu dapat dperingkatkan.

Katanya penubuhan sekretariat ini juga merupakan susulan lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim ke seluruh dunia. -- BERNAMA